

**Agong Serah Watikah Pelantikan Duta Besar Dan Pesuruhjaya Tinggi
Bernama
24 Julai, 2013**

KUALA LUMPUR, 24 Julai (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah berkenan mengurniakan watikah pelantikan kepada tiga Duta Besar dan dua Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke luar negara di Istana Negara di sini, Rabu.

Mereka ialah Duta Besar Malaysia ke Austria Datuk Selwyn Vijayarajan Das, Duta Besar Malaysia ke Mesir Datuk Ku Jaafar Ku Shaari dan Duta Besar Malaysia ke Finland Datin Seri Blanche Olbery.

Turut menerima watikah tauliah pelantikan ialah Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Singapura Datuk Husni Zai Yaacob dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Australia Datuk Zainal Abidin Ahmad.

Das, yang merupakan Timbalan Ketua Setiausaha Hal Ehwal Pelbagai Hala di Kementerian Luar dan berkhidmat dengan kerajaan sejak 1979, dan pernah menjadi Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Kanada dari 2009 hingga 2010 dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Kenya (2005 hingga 2009).

Ku Jaafar pula pernah berkhidmat sebagai Duta Besar Malaysia ke Qatar (dari 2004 hingga 2007 dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Brunei Darussalam (2007 hingga 2010), selain pernah berkhidmat di beberapa perwakilan negara di Kanada, Laos, Croatia dan Jordan.

Blanche, yang merupakan isteri Presiden Parti Progresif Penduduk (PPP) Datuk M. Kayveas, pertama kali dilantik sebagai Pesuruhjaya Tinggi pada 15 Jun 2009 sebagai Pesuruhjaya Tinggi ke Papua New Guinea, Republik Vanuatu dan Kepulauan Solomon.

Beliau yang memegang ijazah perundangan merupakan Penasihat dan Pengerusi Tetap Wanita dan Puteri PPP.

Husni Zai pula pernah berkhidmat sebagai Duta Besar Malaysia ke Thailand (2008 hingga 2010) dan Duta Besar Malaysia ke Kuwait (dari 2003 hingga 2005), serta pernah berkhidmat di beberapa perwakilan Malaysia di luar negeri termasuk di Filipina, Pakistan dan United Kingdom.

Zainal Abidin pula pernah berkhidmat sebagai Duta Besar Malaysia di Laos dari 2007 hingga 2010, sebelum kembali memegang jawatan Ketua Pengarah, Sekretariat Kebangsaan ASEAN-Malaysia di Kementerian Luar sehingga kini.

Istiadat itu turut dihadiri Timbalan Menteri Luar Datuk Hamzah Zainuddin dan Ketua Setiausaha Kementerian Luar Tan Sri Mohd Radzi Abdul Rahman.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=965773>